

# INTIPATI TERSIRAT DALAM SKOP DAN PERANAN GURU PENOLONG KANAN KOKURIKULUM

Oleh :

**Wan Shamsudin bin Wan Mohd Salleh  
Saufi bin Abd. Manaf**

**Institut Aminuddin Baki  
Kementerian Pelajaran Malaysia  
Sri layang, Genting Highlands**

## 1. PENGENALAN

Selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan, aktiviti kokurikulum kini menegaskan kesepaduan di antara domain kognitif dan domain psikomotor selaras dengan penerapan nilai-nilai murni agar dapat menghasilkan insan yang menyeluruh dan seimbang dalam satu masyarakat yang dinamis dan progresif.

Pendidikan dan aktiviti kokurikulum adalah berkait rapat kerana ia menentukan corak serta mutu kehidupan individu. Pendidikan yang utuh dan baik akan melahirkan manusia dan juga bangsa yang kuat dan mulia. Oleh itu, pendidikan harus berfungsi untuk menghuraikan segala persoalan diri manusia supaya dapat mengenali dan memahami dirinya. Untuk menggarap hakikat manusia atau insan dengan cukupnya, konsep asas dalam Falsafah Pendidikan harus merujuk kepada ontologi (teori kejadian), epistemologi (teori ilmu) dan axiologi (teori nilai).

***“Kurikulum Kebangsaan” – suatu program pendidikan yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan, untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan”.***

***Subperaturan 3(1) dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997.***

Perlaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) mempunyai orientasinya yang tersendiri. Tumpuan utama diberikan kepada pengembangan

watak, peribadi dan sahsiah pelajar. Ia perlu untuk mengupas masalah dan cabaran masa kini dan masa akan datang. Ia juga diperlukan untuk memupuk nilai-nilai kewarnegaraan supaya hasrat untuk mewujudkan perpaduan rakyat dan identiti kebangsaan boleh dicapai.

Dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet (1980), telah menyatakan dengan jelas bahawa KBSM mempunyai tujuan yang selaras dengan hasrat pendidikan iaitu ***dapat melahirkan tenaga rakyat untuk jangka panjang dan jangka pendek oleh negara serta menghasilkan satu masyarakat Malaysia yang bersatupadu, berdisiplin dan terlatih.***

Dalam Rang Undang-undang Pendidikan (1995), menyatakan bahawa matlamat dasar pendidikan kebangsaan Malaysia adalah berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang mahukan individu dikembangkan secara bersepadu untuk ***melahirkan insan yang seimbang dan harmonis supaya mereka berilmu, berpengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.***

Kokurikulum mempunyai pengaruh besar dalam proses pendidikan negara. Ia merupakan kegiatan-kegiatan yang berorganisasi, mempunyai objektif-objektif dan kepentingan yang luas.

***“Dasar dan pelaksanaan kokurikulum di sekolah-sekolah bukanlah satu perkara baru. Ia telah berjalan semenjak tahun 1956 lagi dalam bentuk sukan, kerja tangan, berkebun sayur dan menanam pokok bunga bagi mencantikkan kawasan sekolah”.***

***Mohd Nor Che Noh (1985)***

***“Persatuan boleh mendidik pelajar ke arah latihan berdikari, cerdas berfikir, mengisi masa lapang dengan lebih berfaedah terutama kepada mereka yang tidak mempunyai minat bersukan atau melibatkan diri dalam aktiviti Gerko yang lain. Kegiatan kokurikulum di sekolah dapat mempercepatkan proses pergaulan di kalangan pelajar, membolehkan usaha-usaha memupuk integrasi di kalangan kaum dan masyarakat sekolah, membantu mewujudkan suasana iklim sekolah yang mendorong pembelajaran dan pembudayaan manusia, melatih dan menyemai nilai-nilai kepimpinan serta memberi dorongan-dorongan diri”.***

***Mohd Hanafiah (1983/84) dalam Mohd Nor Che Noh (1985)***

Untuk mencapai matlamat tersebut pihak Kementerian Pelajaran telah menetapkan supaya aktiviti kokurikulum dijadikan sebagai satu aktiviti penting dan wajib di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Kini aktiviti yang seumpama itu juga telah berkembang ke institusi pengajian tinggi.

## **PERMASALAH DALAM TUGAS DAN PERANAN**

Tugas sebagai guru darik daripada guru besar / pengetua hingga ke guru-guru sandaran dan sementara serta guru-guru pelatih, sememangnya mencabar. Ini ternyata dengan kenyataan bekas Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad (Berita Minggu, 16 MAC 1997) meminta semua guru menjalankan peranan yang menyeluruh terhadap tugas mereka di sekolah termasuk membangunkan sahsiah pelajar dan melibatkan aktiviti di dalam kokurikulum yang semakin kurang diberikan tumpuan sekarang.

Sekolah-sekolah di Malaysia merupakan tempat bagi pelajar-pelajar menimba ilmu pengetahuan melalui sistem pendidikan yang terancang. Bagi memperlengkapkan lagi sistem pendidikan, pelajar-pelajar juga diwajibkan melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum yang antara matlamatnya membolehkan pelajar mempraktikkan amalan teori di bilik darjah ke luar bilik darjah. Dengan ini proses pembelajaran, pelajar akan lebih sempurna dan bermakna.

***“Peranan dan tanggungjawab utama sekolah bukan hanya semata-mata kepada menyampaikan ilmu pengetahuan dan memupuk kemahiran-kemahiran tertentu kepada pelajar, bahkan juga bagi melahirkan pelajar yang dapat memberi sumbangan ke arah hidup yang harmonis, bersatu padu, bertoleransi, berdisiplin dan bahagia. Justeru itu, sekolah adalah tempat bagi melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai sahsiah yang baik, iaitu yang mempunyai sikap serta menghayati nilai-nilai hidup berasaskan prinsip-prinsip Rukunegara”.***

Terdapat pelbagai permasalahan yang perlu dihadapi dalam pelaksanaan kokurikulum, antaranya konsep, dasar dan prinsip kokurikulum yang tidak difahami dan dihayati sepenuhnya dalam konteks pelaksanaan kependidikan dan pembangunan kemanusiaan yang menyeluruh dan berterusan. Inilah elemen yang tersirat yang perlu difahami oleh setiap guru kokurikulum. Selain dari itu kokurikulum yang dijalankan lebih bersifat tradisional. Kegiatan ini dilaksanakan kerana sebelum ini ia telah dilaksanakan oleh mereka yang terdahulu. Kokurikulum tidak dilihat sebagai satu elemen yang mampu membina perkembangan personaliti untuk ***melahirkan warga negara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai***

***kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.***

Aktiviti yang dijalankan lebih cenderung kepada memenuhi keperluan dan arahan pentadbiran seperti yang telah direncanakan dalam takwim tahunan sesebuah sekolah. Malah ada juga aktiviti yang dijalankan bersifat 'ad hoc' tanpa sebarang skema pelaksanaan yang komprehensif meliputi aspek-aspek perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian. Malah aktiviti yang dilaksanakan itu tidak banyak memberi peluang kepada pelajar mendapat pengetahuan, pengalaman dan kemahiran secara 'hands on' selaras dengan prinsip pembelajaran kontekstual.

***“Kegiatan kokurikulum...adalah penting untuk menyemai, memupuk dan menanam perasaan kekitaan ataupun ‘Espirit De Corps’ di antara murid pelbagai keturunan yang mempunyai latar belakang dan cara hidup yang berlainan. Ia bertujuan melatih murid-murid supaya bersikap bertanggungjawab. Kegiatan ini juga melatih mereka berdisiplin, berdikari dan berkemahiran dalam sesuatu lapangan yang mereka sertai”.***

***LAPORAN J/K KABINET MENGAJAI PERLAKSANAAN DASAR PELAJAR – 1979. (Kementerian Pelajaran Malaysia)***

Penghayatan, penglibatan dan penyertaan para pentadbir, guru dan pelajar dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum adalah di tahap minima. Masih terdapat tanggapan bahawa aktiviti kokurikulum adalah tidak sepenting aktiviti kurikulum masih membelenggu komitmen kebanyakan pentadbir / pengurus sekolah, guru-guru, para pelajar dan ibu bapa atau penjaga.

***“...Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat keputusan dan menetapkan bahawa dasar dan syarat pemilihan pelajar ke tingkatan satu di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) bermula kemasukan tahun 2000, memberi penekanan utama kepada penglibatan dan pencapaian pelajar dalam aspek kepimpinan, sukan dan kokurikulum di samping mengekalkan syarat kecemerlangan akademik”.***

***Dato Dr. Abdul Shukor bin Abdullah, KPPM, dalam surat KP(BS)8575-196 jld.IV(26) bertarikh 2 Jun 1999.***

Usaha dan inisiatif perlu dilakukan bagi mengatasi kelemahan dan permasalahan yang dihadapi dalam kokurikulum. Rangkaian kerjasama dengan agensi-agensi tempatan, syarikat-syarikat swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan sebagainya perlu diperhebatkan. Secara tidak langsung usaha ini membuktikan bahawa ada pihak di luar sekolah yang bersedia dan mempunyai kemampuan untuk

memberikan bantuan dan sokongan. Untuk mempertingkatkan lagi prestasi pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah, maka beberapa perubahan dan tindakan strategik perlu diambil dan dilaksanakan.

## **TUGAS DAN PERANAN GURU KOKURIKULUM**

Sesuatu kegiatan, program atau aktiviti kokurikulum telah dilaksanakan atau pun tidak mungkin satu pemerhatian yang mudah dilakukan sama ada secara kualitatif atau kuantitatif. Hanya dengan melihat kepada senarai kehadiran pelajar dan guru pada setiap pertemuan kegiatan atau aktiviti kokurikulum, takwim dan laporan sudah memenuhi kriteria pengurusan dan pentadbiran kokurikulum. Langkah yang lebih mencabar, adalah untuk mengenalpasti sama ada kegiatan, program atau aktiviti kokurikulum, berkesan ke atas pembangunan dan perkembangan personaliti pelajar dan peningkatan kecemerlangan pendidikan di sekolah.

Bagi menilai kejayaan dalam membentuk perkembangan personaliti sebagaimana yang diharapkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, akan mengambil masa yang panjang untuk menilai dan melihat hasilnya melalui aktiviti atau program kokurikulum. Generasi yang akan datang merupakan generasi yang akan memimpin dan membentuk Negara ke arah yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Oleh itu, guru kokurikulum diharap akan dapat memainkan peranan yang berkesan bagi menterjemah dan mentafsir hasrat yang murni yang diharapkan melalui pelaksanaan aktiviti, program dan takwim kokurikulum untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis, berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Perubahan-perubahan luaran dan dalaman yang dimanifestasikan oleh perubahan-perubahan pada sikap, pandangan hidup, nilai, pemikiran dan perwatakan serta jati diri pelajar.

***“Sekolah sangat mempengaruhi perkembangan individu. Melalui sekolah, individu belajar tentang norma kumpulan dan peraturan dalam kumpulan yang lebih besar, yang hampir sama dengan masyarakat. Individu juga belajar lebih mendalam tentang nilai-nilai moral dan pergaulan dalam masyarakat. Nilai-nilai seperti tingkahlaku baik atau tingkahlaku buruk sangat ditegaskan agar individu dapat mematuhi kehendak masyarakat di mana dia berada”.***

***Ramlah Jantan / Mahani Razali (2004)***

***“Matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan ialah untuk mewujudkan suatu bangsa bercorak Malaysia yang bersatu padu dan dihormati. Hasrat ini akan dapat dicapai jika generasi muda sekarang dapat diberi pendidikan yang seimbang dan sempurna. Pendidikan yang seimbang dan sempurna sentiasa memberi penekanan kepada kedua-dua aspek iaitu akademik dan gerak kerja kokurikulum. Ini bermakna seseorang itu diberi didikan yang menyeluruh merangkumi aspek mental, fizikal dan spiritual”.***

**Y.AB. DATUK SERI ABDULLAH HJ. AHMAD BADAWI (1985)**

Antara pelbagai perubahan luaran yang perlu diberi perhatian dalam menjalankan tugas dan peranan guru kokurikulum, adalah:

1. Meningkatkan penggunaan masa berkualiti di sekolah melakukan tugas, aktiviti atau kegiatan kokurikulum yang disertai.
2. Penggunaan peralatan atau perkakasan kokurikulum meningkat.
3. Permasalahan disiplin berkurangan.
4. Penyertaan atau kehadiran dan tahap pencapaian dalam pertandingan-pertandingan sukan dan kokurikulum meningkat dari masa ke semasa.
5. Bilangan kelab / persatuan yang berkualiti mengatasi kuantiti.
6. Penglibatan dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan meningkat.
7. Konsep sekolah berwatak dan menjadi pusat kependidikan yang dinamik serta progresif menjadi kenyataan.
8. Tahap dan taraf sekolah dalam penghayatan dan pentafsiran aspek kokurikulum berkesan.

### **Perubahan-perubahan dalaman:**

1. Tahap kemenjadian murid iaitu merujuk kepada sejauh mana kemajuan maksima potensi murid telah berjaya dicapai atau direalisasikan di akhir peringkat-peringkat persekolahan yang ditetapkan.
2. Tahap kesungguhan diri dalam melaksanakan tugas dan peranan serta tanggungjawab yang diamanahkan dengan bersungguh-sungguh dengan kehendak diri sendiri tidak didorong oleh unsur paksaan, arahan atau hadiah, ganjaran jauh sekali sogokan.

3. Kesedaran tentang pentingnya perpaduan sebagai teras atau landasan untuk membina bangsa Malaysia yang aman, makmur dan maju mengikut acuan ke Malaysiaan.

***“Sekolah-sekolah khususnya yang kurang kemudahan untuk menjalankan GKK ini hendaklah menggalakkan pelajarinya mengambil bahagian dalam membuat kerja amal untuk masyarakat setempat; bergotong-royong memperbaiki kawasan sekolah; gerak-gerak kerja yang menekankan perpaduan kaum, ketatanegaraan, moral dan sebagainya yang sesuai bagi pendidikan menyeluruh dan pembentukan keperibadian”.***

***Rujuk Subperkara 5.3 dalam Surat Pekeliling Ikhtisas bil.1/1985***

4. Semangat patriotik yang mendalam dan tidak berbelah bahagi terhadap Negara.
5. Membangunkan kebahagiaan dan kesejahteraan diri dan keluarga pada masa hadapan. Matlamat ini akan menjadikan seorang pelajar itu warganegara yang lebih berguna kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat, bangsa, Negara dan agamanya.

## **Kesimpulan**

Aspek pembangunan manusia yang komprehensif dan berterusan perlu dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh. Kandungan intipati yang tersirat perlu dicungkil dan dihuraikan dengan jelas serta di tanam ke dalam minda guru-guru, pelajar dan ibu bapa / penjaga agar nilai aktiviti, program dan kegiatan kokurikulum dapat dipertingkatkan dan dimartabatkan sesuai dengan hasrat yang tersirat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Semua pemimpin pendidikan peringkat tinggi, pengetua / guru besar dan guru-guru serta ibu bapa / penjaga, perlu menjadikannya cabaran yang mesti di atasi dengan sepenuh daya dan tenaga serta kebijaksanaan.

Dengan mengintegrasikan kurikulum dan kokurikulum serta dilaksanakan mengikut perancangan, pelaksanaan, pemantauan, penilaian dan penambahbaikan, berkembang selaras dengan pembangunan jasmani dan mental murid diharapkan mencapai kecemerlangan dan kegemilangan dalam bidang yang diceburinya.